

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	2/4/2021	MUKA SURAT	: 27
JABATAN	:	JMG		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Kerajaan negeri menuntut ganti rugi

Syarikat produksi akan dikenakan penalti bayar kos pulhara

**IPOH**

**K**erajaan Perak akan mengambil tindakan tegas serta meminta ganti rugi daripada syarikat produksi drama yang menjalankan penggambaran di Gua Matsuorat, di sini sehingga berlaku kerosakan pada fosil berusia jutaan tahun dan di dinding di gua berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Perak, Datuk Nolee Ashilin Mohamed Radzi berkata, terdapat bukti bahawa kru produksi berkenaan melakukan kerosakan.

“Bagaimanapun, perkara (ganti rugi) ini masih dalam perbincangan sama ada untuk me-

ngenakan penalti atau mereka harus membayar kos-muliharaan semula tempat yang telah dirosakkan dan kami telah memanggil beberapa pakar untuk menilai kerosakan tersebut.

“Kerajaan negeri berasa amat kesal dengan apa yang telah berlaku di satu daripada tapak yang sedang kami usahakan untuk diangkat sebagai geotapak yang baharu dalam Geopark Lembah Kinta,” katanya kepada pemberita di sini pada Khamis.

**NOLEE ASHLIN**



Nolee Ashilin berkata, dua pengawal keselamatan ditempatkan 24 jam sehari bagi mengawal di gua berkenaan dan jumlah pengawal keselamatan akan ditambah bagi meningkatkan lagi kawalan keselamatan. Beliau berkata, kejadian se-

demikian perlu diambil iktibar oleh semua pihak kerana apa sahaja yang berkaitan dengan khazanah warisan tidak boleh dipandang ringan.

“Apabila (Khazanah dan warisan negara) itu rosak, susah untuk dipulihara semula.

“Saya ingin menyarankan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam kawasan khususnya yang memerlukan konservasi perlu mengambil tindakan lebih tegas bagi mengelak perkara seperti ini tidak berlaku,” katanya.

Sebelum ini, Nolee Ashilin berkata, Majlis Bandaraya Ipoh telah memberi kelulusan menjalankan penggambaran kepada Syarikat Juita Vidan Sdn Bhd di sekitar bandar raya Ipoh mu-

**KEROSAKAN GUA MATSOORAT**

kaitan kajian pelan tindakan dan penjenamaan wilayah pelancongan Greater

Ipoh, *walkable city* kawasan Ipoh sebagai bandar pelancongan, warisan dan pelancongan serta tawaran penyewaan tapak di taman rekreasi Gunung Lang bagi cadangan pembinaan Pavilion Petting Zoo. - *Bernama*

Ipoh, *walkable city* kawasan Ipoh sebagai bandar pelancongan, warisan dan pelancongan serta tawaran penyewaan tapak di taman rekreasi Gunung Lang bagi cadangan pembinaan Pavilion Petting Zoo. - *Bernama*



Laporan Sinar Harian 27 Mac lalu.